



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2004/2005

NAMA MATAPELAJARAN : UNDANG-UNDANG KONTRAK
DAN TAKSIRAN

KOD MATAPELAJARAN : BTA 2012

KURSUS : 2 BTA

TARIKH PEPERIKSAAN : OKTOBER 2004

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB DUA (2) SOALAN
DARI BAHAGIAN A DAN
DUA (2) SOALAN DARI
BAHAGIAN B.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

S1 Kontrak merupakan suatu pertemuan dua minda atau *consensus ad idem* di antara pihak yang berkontrak.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan kerelaan bebas? Apakah kesannya terhadap kontrak sekiranya ia dibuat tanpa kerelaan bebas?
(6 markah)

(b) Terangkan dengan jelas tiga dari perkara berikut:

- (i) Dures
- (ii) Pengaruh Tak Wajar
- (iii) Fraud
- (iv) Salah Nyata (Misrepresentation)
- (v) Silap Fakta (Mistake of Fact)

(15 markah)

(c) Berikan perbezaan di antara Salah Nyata dan Fraud.

(4 markah)

- S2 Syarikat di tempat anda bekerja telah meminta anda untuk menyediakan anggaran (estimate) bagi pembinaan makmal komputer tambahan dan sebuah bilik penyelia makmal. Makmal komputer tambahan itu dianggarkan dapat menampung seramai 400 orang pelajar.

Maklumat yang disediakan adalah seperti berikut:

Makmal Komputer:

- Tebal dinding makmal = 336mm
- Kadar harga pembinaan bagi per meter padu = RM120/m³
- Kadar harga pembinaan bagi per meter persegi = RM750/m²
- Sebuah (1) makmal komputer mempunyai bentuk, ciri serta fungsi yang sama pernah dianggarkan sebanyak RM380,000.00 dan boleh menampung seramai 500 orang pelajar.

Bilik Penyelia Makmal

- Tebal dinding bilik penyelia makmal = 224mm
- Kadar harga pembinaan bagi per meter padu = RM480/m³
- Kadar harga pembinaan bagi per meter persegi = RM2,600/m²
- Dua (2) buah bilik penyelia makmal yang mempunyai bentuk, ciri serta fungsi yang sama pernah dianggarkan sebanyak RM220,000.00

Berdasarkan kepada **Rajah S2** dan maklumat yang disertakan, anda dikehendaki menyediakan anggaran (estimate) bagi kedua-dua buah bangunan tersebut dengan menggunakan kaedah anggaran berikut:

- (a) Kaedah Isipadu (10 markah)
- (b) Kaedah Keluasan Lantai (10 markah)
- (c) Kaedah Penilaian Unit (5 markah)




BAHAGIAN B

- S3** (a) Sistem undang-undang merupakan peraturan dalam sesebuah masyarakat. Ianya penting bagi menjamin kesejahteraan dalam sesebuah negara. Apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang?
(5 markah)
- (b) Di Malaysia, perlembagaan merupakan undang-undang yang tertinggi. Terangkan dengan ringkas maksud perlembagaan.
(5 markah)
- (c) Dalam memastikan kesejahteraan masyarakat, sistem perundangan merupakan perkara yang amat penting. Bincangkan dua sumber utama perundangan di Malaysia.
(15 markah)
- S4** Tender merupakan asas dalam pembentukan sesuatu kontrak pembinaan.
- (a) Terangkan dengan terperinci tiga (3) jenis tender yang biasa diamalkan dalam sektor pembinaan di Malaysia.
(12 markah)
- (b) Bincangkan kriteria-kriteria utama dalam penilaian sesuatu tender.
(13 markah)
- S5** Prosedur berkontrak memainkan peranan yang penting dalam sesuatu projek pembinaan.
- (a) Bincangkan perbezaan di antara Kaedah Pemerolehan Tradisional dengan Kaedah Pemerolehan Reka dan Bina (Design and Build).
(13 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas perkara-perkara berikut:
- (i) Dokumen Meja Tender
 - (ii) Arahan Kepada Petender
 - (iii) Perubahan Kerja
 - (iv) Bayaran Kemajuan Kerja
- (12 markah)

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEMESTER I 2004/2005
 MATA PELAJARAN : UNDANG-UNDANG KONTRAK
 DAN TAKSIRAN

KURSUS : 2BTA
 KOD MATA PELAJARAN : BTA 2012



Lukisan Tidak Mengikut Skala Semua Ukuran Dari Tengah Ke Tengah

Rajah S2